# Mengapa perlu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

## Kini terdapat lebih dari 2000 kes positif (= 🔴) COVID-19 di Malaysia. [sehingga 26hb Mar 2020]

🔴 : PERGERAKAN MEREKA TELAHPUN DIKAWAL
(dikenalpasti dan diasingkan)




**Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia 2020** yang bermula pada 18 Mac menghalang kemasukan semua pelancong asing bagi menyekat jangkitan dari luar negara.

🟡 : PERGERAKAN MEREKA JUGA DIKAWAL

Kontak dikenalpasti oleh 🔴, dikesan dan diuji oleh KKM, tanpa mengira samada mereka sakit atau tidak.

Mereka kini berada dalam:

**pengasingan** (bergejala atau ujian positif) atau **kuarantin diri** (tiada gejala dan ujian negative)

🔴 dijangkiti COVID-19 → 🟡 → 🔵 dijangkiti COVID-19, tetapi belum mempunyai gejala → ⚪

**Kes Positif**

**Kontak**
mempunyai hubungan atau sejarah interaksi dengan 🔴

**Exposed**
mempunyai hubungan dengan 🔴 atau 🟡 tanpa disedari

**Masih belum terdedah**

---

## Keadaan berkemungkinan menjadi jauh lebih teruk

🔵 adalah mereka yang mungkin ada hubungan dengan 🔴 atau 🟡 (sekiranya positif) sebelum mereka diasingkan / dikenakan kuarantin diri. 🔵 tidak menyedari bahawa mereka terdedah kepada virus tetapi berkemungkinan mengalami gejala dalam jangkamasa 5 -14 hari. Mereka masih boleh menjangkiti orang lain walaupun tiada gejala atau mengalami gejala ringan.

⚪ = masih belum terdedah kepada virus

Senario 1
### PKP tidak dipatuhi 100%.
Jangkitan dalam komuniti berterusan. Hospital akan penuh dan setengah orang tidak akan sempat mendapat rawatan—jika anda mengira titik-titik dibahagian atas anda akan dapati bahawa sebahagian dari bilangan itu sudah hilang di bahagian bawah. **Mereka telah meninggal dunia.**




Senario 1

---

## PKP bertujuan mengelakkan hubungan di antara 🔵 dan ⚪ ...

Senario 2
### PKP dipatuhi 100%.
Hospital sesak, namun masih berkeupayaan untuk menangani bilangan pesakit pada sesuatu masa.

🔵 ↓ Sekiranya merasa tidak sihat ↓ Segera asingkan diri ↓ Hubungi Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan patuhi nasihat

**#PenjarakkanSosial**
**(sekurang-kurangnya 1 meter)**

⚪ ↓ Duduk di rumah
Kekal tidak terdedah




Senario 2

## ........ untuk melambatkan kadar di mana orang baru dijangkiti (iaitu meratakan graf kadar jangkitan)




# DUDUK DI RUMAH, JANGAN PANIK. KITA BERSAMA MENANGANI MASALAH INI.

Ministry of Health Malaysia
Infografik dihasilkan oleh:
NIH INSTITUT KESIHATAN NEGARA NATIONAL INSTITUTES OF HEALTH